

14 JUN 1997

Abdullah-Takaful

MALAYSIA MAHU KEMBANG KONSEP TAKAFUL DI KALANGAN NEGARA D-8

Oleh: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 14 Jun (Bernama) -- Malaysia mahu memperkenalkan kepada Kumpulan Negara Membangun Islam (D-8) yang baru diwujudkan skim insurans Islam, Takaful yang dipeloporinya dengan jaya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau menyatakan kesediaan Malaysia untuk memperkenalkan skim itu semasa mesyuarat peringkat menteri kumpulan itu di sini hari ini.

"Kita sedia berkongsi pengalaman dengan negara-negara D-8 yang berminat untuk mewujudkan skim Takaful di negara mereka melalui usahasama," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Kumpulan D-8, dianggotai oleh lapan negara membangun Islam, bertujuan mewujudkan kerjasama yang berlebihan berkesan, terutama dalam bidang ekonomi.

Selain Malaysia, kumpulan perintis D-8 terdiri daripada Bangladesh, Indonesia, Iran, Mesir, Nigeria, Pakistan dan Turki.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun berada di bandaraya tamadun Islam ini untuk menghadiri mesyuarat pertama ketua-ketua kerajaan kumpulan tersebut esok.

Dalam pembahagian tugas di kalangan negara anggota, Malaysia diberi tanggungjawab menyediakan kertas kerja projek dalam bidang berkaitan penswastan, kewangan dan perbankan untuk dilaksanakan di bawah kerjasama D-8.

Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd, yang mengendalikan skim insurans tersebut, sebelum ini turut terlibat dalam membantu mewujudkan skim seumpama itu kepada beberapa negara termasuk Brunei Darussalam dan Indonesia.

Konsep asas Takaful ialah menyediakan insurans sebagai satu bentuk perniagaan selaras dengan Syariah dan ia berasaskan prinsip Al-Takaful dan Al-Mudharabah.

Bagi bidang penswastan, Abdullah berkata Malaysia mempelawa negara-negara D-8 menghantar para pegawainya untuk mengikuti kursus atau seminar berkaitan penswastan di Kuala Lumpur.

Mengenai mesyuarat peringkat menteri hari ini, Abdullah berkata mesyuarat hanya menumpukan kepada aspek kerjasama yang praktikal tanpa menghiraukan langsung soal politik.

"Saya gembira kerana inilah satu-satunya mesyuarat di kalangan negara Islam yang tidak menghabiskan masa berbincang hal-hal politik," katanya.

Mengenai sekretariat D-8, beliau berkata Turki telah menyatakan kesediaan untuk menyediakan bangunan dan kemudahan di republik itu.

Beliau berkata Bangladesh pula dijangka menjadi tuan rumah mesyuarat akan datang jika giliran didasarkan mengikut urutan abjad.

-- BERNAMA

MOK FAZ